



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR / IWK			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### *Piawaian berbeza punca lewat dikesan*

**DENGKIL** - Piawaian kualiti bekalan air yang berbeza antara Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Indah Water Konsortium (IWK) menjadi punca pencemaran bau sukar dikesan awal.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Air Selangor bercadang menguruskan sendiri tugas IWK dalam usaha penyelarasan prosedur operasi standard (SOP) antara dua agensi.

"IWK tidak meletakkan kriteria bau bagi sisa kumbahan yang dilepaskan, sementara Air Selangor pula perlukan paras sifar ton sebelum bekalan air diagihkan kepada pengguna.

"Kerana itu, Air Selangor sedang merayu untuk menguruskan sendiri tugas IWK kerana saling berkepentingan. Kalau tidak, usaha untuk mengawal



Amirudin (empat dari kanan) meninjau kerja pengepaman air di Tasik Idaman Dengkil ke Sungai Semenyih semalam.

pencemaran sebab ia mempunyai dua piawaian berbeza," katanya selepas meninjau kerja pengepaman air Kolam Tasik Idaman, Sungai Buah ke Sungai Semenyih untuk pembersihan bahan tercemar dan penstabilan bekalan air di sini semalam.

Amirudin menjelaskan, penyelarasan antara dua agensi itu adalah satu ke-

perluan mendesak memandangkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) berlaku sebanyak tiga kali disebabkan isu pencemaran bau dari saluran IWK.

"Kejadian pencemaran bau dari saluran IWK bukan kali pertama berlaku. Sebelum ini pernah berlaku di Batang Kali dan dua insiden di Bandar Bukit Mahkota," katanya.